

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289
Muharram / Safar 1441 — September 2019
BIL: 15 / 2019



Kaya Dari Kacamata Islam

Bual Bicara
Santai LGBT:
Islam dan
Perubatan

Peranan
Makanan Dalam
Pembentukan
Masyarakat

Lawatan
Akademik
Pelajar CTU555
Ke Parlimen

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof Dr Yamin Yasin
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Suhaila Binti Sharil
Iskandar Ariffin
Noraini Binti Abd. Muaziz
Naemaa Binti Mohamad

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduapuluh atau siri kelimabelas yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Kaya Dari Kacamata Islam*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua.

Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Kaya Dari Kacamata Islam (3)
- ⇒ Bual Bicara Santai LGBT: Islam dan Perubatan (6)
- ⇒ Peranan Makanan Dalam Pembentukan Masyarakat Yang Mampan (9)
- ⇒ Lawatan Akademik Pelajar CTU555 Ke Parlimen (13)

Jika berminat untuk menghantar sebarang artikel atau komen, boleh email ke buletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan sebulan sekali

Kaya dari kacamata Islam

Oleh : Iskandar Ariffin

(Pensyarah Kanan FPP UiTM Kampus Seremban)

Setiap manusia di dunia pasti mempunyai cita-cita untuk menjadi kaya. Dengan kekayaan yang dimiliki, kita mampu untuk mendapatkan segala apa yang kita inginkan seperti rumah besar, kereta berjenama mewah, melancang ke luar negara, membeli barang berjenama dan sebagainya. Kita mempunyai pandangan dengan kaya harta, kita bakal beroleh segala bentuk kebahagian.

Rasulullah Sallallahu'alaihi Wasallam bersabda, yang bermaksud "**Bukanlah yang dinamakan kaya itu kerana banyak harta, tetapi yang dinamakan kaya sebenarnya adalah kayanya jiwa.**" (HR. Bukhari Muslim)

Berdasarkan hadis diatas, nyata definisi kaya berbeza dengan apa yang kita selalu fikir dan gambarkan. Kaya sebenar adalah kayanya jiwa. Islam memandang kaya bukan dari apa yang ada diluar tubuh ini, melainkan apa yang ada di dalam lubuk hati dan jiwa. Ianya akan terukur dari seberapa lapangkah kita mensyukuri apa yang sudah Allah kurniakan kepada kita.

Allah telah memberi jaminan bahawa setiap dari makhluk dibumi ini telah ditentukan rezekinya. Jaminan rezeki dari Allah SWT pada mahkluk-Nya adalah jaminan yang pasti lagi benar untuk



menunjukkan betapa Maha Kaya Allah yang memiliki segala sifat kebesaran-Nya. Di samping itu, Tuhan yang memiliki sifat Maha Pengasih (Ar-Rahman) kepada segenap makhukNya di dunia ini dengan memberi kepada semua makhlukNya tanpa kecuali, yakni tanpa membezakan hambaNya yang taat atau yang ingkar kepadaNya.

***tempat tinggalnya dan tempat penyimpanannya
Semuanya tertulis di dalam Kitab yang nyata
(Luh Mahfudz)***

Sering kali kita mendengar perkataan "bersyukurlah", lalu bagaimanakah cara bersyukur yang betul? Sesungguhnya Allah SWT mencintai orang-orang yang bersyukur. Allah SWT memuji Nabi Nuh as sebagai hambanya yang

maksud: "**Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih**"

Ini menunjukkan bahawa Allah SWT mencintai orang-orang yang bersyukur. Cara bersyukur yang betul ialah dengan mengakui Nikmat Allah SWT dengan hati,



Dalam Al-Quran Allah berfirman, dalam Surah Hud ayat 6 yang bermaksud:
“Dan tiada suatu binatang melata pun di bumi melainkan Allah yang memberi rezekinya dan Dia mengetahui

syakur (mensyukuri segala sesuatu yang datang dari Allah).

Dalam Al-Quran Allah berfirman dalam Surah Ibrahim ayat 7 yang ber-

mengucapkan rasa syukur dengan lisan seperti berzikir, bertasbih dan ber tahmid dan bersyukur atas nikmat sebagai jalan untuk beribadah.

Dengan bersedekah bukan sahaja mendapat balasan sepuluh kali ganda, tetapi manusia mampu terhindar daripada bala, dikurniakan rezeki yang melimpah ruah, dimudahkan jodoh, hati sentiasa tenang dan dikurniakan kesihatan yang bertambah baik. Itulah kesan untuk orang-orang yang rajin bersedekah..AllahuAkhbar...


Dalam Al-Quran Allah berfirman dalam Surah al-An'am ayat 160 yang bermaksud: **"Sesiapa yang membuat kebaikan mendapat sepuluh ganda amalannya. Dan sesiapa berbuat kejahanan akan dibalas seimbang dengan kejahanannya. Mereka sedikit pun tidak dirugikan (dizalimi).**

Allah juga menjanjikan rezeki yang datang secara tiba-tiba tanpa diduga khusus kepada mereka yang bertakwa dan bertawakal kepada Allah. Dengan kata lain, mereka ini adalah golongan yang benar-benar mengikut segala suruhan Allah dan meninggalkan segala

larangan-Nya

Dalam Al-Quran Allah berfirman dalam Surah at-Talaq ayat 2-3 yang bermaksud: **"Barangsiaapa yang bertaqwah kepada Allah, maka Allah akan menunjukkan kepadanya jalan keluar dari kesusahan dan diberikanNya rezeki dari jalan yang tidak disangka-sangka, dan barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, nescaya Allah mencukupkan keperluannya"**

Kesimpulannya, setiap orang Islam perlu meletakkan matlamat untuk menjadi kaya bukan sahaja di dunia tetapi juga kaya di akhirat. Dengan kekayaan yang diperolehi, ia hanya boleh digunakan untuk membantu orang lain dengan cara bersedekah dan berzakat, membantu membina kemudahan infrastruktur seperti masjid, rumah anak yatim, tafhib untuk kegunaan umat Islam setempat. disamping boleh menyediakan peluang pekerjaan untuk Umat Islam bagi menampung kehidupan mereka.



Bual Bicara Santai LGBT: Islam dan Perubatan

Oleh : Noraini Binti Abd. Muaziz
(Pensyarah ACIS Kampus Rembau)



Isu berkaitan tamadun Islam dalam mendepani cabaran pada abad ke-21 kini dilihat penting dan perlu difahami oleh semua pihak, terutamanya golongan mahasiswa. Di era globalisasi, pemikiran Barat dilihat amat berpengaruh dalam aspek gaya hidup dan gaya berfikir masyarakat Melayu-Islam khususnya terhadap generasi muda. Arus globalisasi yang melanda Alam Melayu sedikit sebanyak telah menggugat keutuhan tamadun Melayu terutamanya generasi kini yang dilihat semakin hilang jati diri sekaligus memberi kesan negatif kepada Tamadun Melayu sendiri. Pemahaman yang jelas terhadap isu dan cabaran semasa ini akan memberi peluang dalam usaha mendepani cabaran-cabaran tersebut sekaligus melahirkan ummah yang berfikiran wasatiyyah seterusnya membentuk masyarakat yang bertamadun. Justeru, program Bual Bicara Santai mengenai isu LGBT ini dilihat penting dan mampu membantu para pelajar UiTM khususnya untuk memahami isu ini dengan lebih terperinci, seterusnya melahirkan generasi Profesional Melayu yang berkeperibadian unggul serta bertamadun.

Oleh yang demikian, Akademi Pengajian Islam Kontemporari dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam Kampus Rembau telah mengadakan Bual Bicara Santai LGBT: Islam dan Perubatan pada 15 April 2019 jam 7.30 Malam hingga 11 Malam di Dewan Biduanda. Program ini bertemakan Gen Z Dalam Mendepani Cabaran Kontemporari. Sasaran program ini adalah dalam kalangan pelajar CTU 101, CTU 151 dan IDA 152.

Antara panel jemputan yang dijemput untuk memberi pengisian dalam program ini adalah Dr. Mohd Izwan bin Md Yusof (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Keluarga Sosial Dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Dr. Nurul Aida binti Salleh (Pakar Perubatan Keluarga, Klinik Kesihatan Kuala Lumpur). Selain itu, program ini juga turut menjemput Ustazah Rosmaza Sukardi (Pegawai Unit Hal Ehwal Islam), Puan Wan Admiza Wan Hassan (Ketua Pusat Pengajian Fakulti Pengajian Media & Komunikasi), Encik Mohd Zailan Endin (Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Pengurusan), Puan Noor Azillah Mohamad Ali (Ketua Pusat Pengajian, Fakulti Pengurusan Perniagaan) untuk bersama-sama menghadiri Buar Bicara Santai LGBT supaya setiap fakulti mendapat pendedahan yang mendalam berkenaan dengan isu ini.

cabaran ketamadunan manusia dalam menghadapi zaman kontemporari. Para peserta juga mengetahui walaupun LGBT diterima di Barat namun ianya tidak sesuai diamalkan di negara Timur seperti Malaysia kerana bertentangan dengan budaya dan agama. Justeru, kekuatan program ini adalah daripada segi penyampaian penceramah yang jelas dan bersifat realistik, penuh informasi dan maklumat serta mendedahkan peserta kepada kepentingan menolak LGBT kerana dianggap tidak bertamadun dan mampu memberi kesan negatif kepada diri dan masyarakat.



Antara objektif Program Bual Bicara Santai LGBT : Islam dan Perubatan adalah memberi kefahaman yang jelas dan benar tentang permasalahan LGBT dari sudut Islam dan perubatan, menjelaskan faktor-faktor dan kaedah rawatan yang boleh ditawarkan kepada golongan LGBT dan menimbulkan kesedaran tentang keburukan apabila terlibat dalam perlakuan LGBT.

Apa yang menarik di dalam bual bicara santai ini adalah majoriti daripada peserta program memberikan ulasan positif kerana dapat menambahkan informasi dan maklumat berkenaan makna sebenar dalam hidup kami sebagai seorang pelajar khususnya bagi topik

Justeru itu, tidak hairanlah program ini mendapat sambutan meluas dalam kalangan pelajar sehingga pelajar-pelajar terkesan dengan isu LGBT. Panel jemputan yang dibawakan khas pada program yang julung kali diadakan ini bukanlah sebarang panel, tetapi mereka mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing sehingga mendapat pelbagai soalan diajukan oleh peserta-peserta CTU 151. Ini menandakan pelajar-pelajar di kampus UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau membumikan isu ini dalam kalangan pelajar dan mengupas isu LGBT di kampus masing-masing dengan bilangan kehadiran mereka yang memenuhi Dewan Biduanda.



Program Bualbicara santai CTU151 Pemikiran Dan Tamadun Islam adalah suatu program yang mampu untuk membuka minda pelajar, perlu ditentang dan dirawat dengan segera agar ia tidak menjadi suatu budaya yang akan diamalkan oleh generasi yang akan datang. Hasil daripada program ini mendapati majoriti menolak LGBT kerana dianggap tidak bertamadun dan mampu memberi kesan negatif kepada diri dan masyarakat. Keseluruhannya, kuliah ini berjaya mencapai objektifnya.



Peranan Makanan Dalam Pembentukan Masyarakat Yang Mampan

Oleh : Naemaa Binti Mohamad

(Pensyarah Teknologi Makanan UiTM Kampus Kuala Pilah)



“Saya tolak lemak kerana ia menggemukkan badan saya”

“Makanan yang sihat itu mahal dan leceh disediakan”

“Saya tak bersarapan pagi kerana tak sempat”

Ini adalah dialog-dialog yang biasa kita dengar; mungkin diungkapkan oleh ahli keluarga, sahabat handai, saudara mara, teman-teman di sekolah, kawan-kawan sepejabat, ahli masjid, rakan sejabatan, atau sesiapa sahaja. Ia mungkin kedengaran normal, tetapi ungkapan-ungkapan seperti ini biasanya dizahirkan atas sebab-sebab tertentu; biasanya ketika ia telah sebatи dengan rutin harian kita. Tahukah anda bahawa corak pemakanan kita pada masa sekarang bakal menentukan samada masyarakat yang sejahtera dan masa depan yang mampan dapat dizahirkan?

Daripada sudut pandangan agama, menjaga corak pemakanan yang baik turut dititik beratkan dalam Islam seperti firman Allah S.W.T dalam Surah Al-Maidah ayat 87-88 yang bermaksud: ***"Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu haramkan apa-apa yang baik yang telah Allah halalkan bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas. Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah yang kamu beriman kepada-Nya".***

Amat jelas daripada ayat-ayat ini, Allah berfirman agar kita bersederhana dalam menjalani kehidupan kita termasuk dalam amalan pemakanan. Serta amat penting untuk memastikan kita memakan makanan yang halal lagi baik bagi menjaga kemashlahatan masyarakat.

Untuk memastikan masyarakat terus kekal sihat dan berada pada tahap kesihatan yang optimum untuk bersaing secara sihat dalam arena tempatan dan global dalam pelbagai bidang, beberapa panduan pemakanan yang baik seperti dibawah boleh diamalkan:

1. Pinggan Sihat Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia telah memperkenalkan Amalan Suku Suku Separuh melalui Pinggan Sihat Malaysia. Kita harus melebihkan hidangan daripada sayur-sayuran dan buah-buahan (50%) dalam penyediaan makanan. Manakala, hidangan daripada sumber protein seperti ikan, ayam, daging dan kekacang sebanyak 25%. Baki sebanyak 25% lagi adalah untuk hidangan karbohidrat seperti nasi, mi, roti, bijirin, produk bijirin dan ubi.

2. Kepelbagaian makanan

Kita perlu menjadi sedikit kreatif untuk memastikan ahli keluarga tidak sabar menunggu waktu makan, terutama ahli keluarga yang cilik. Hidangan makanan daripada pelbagai sumber harus digunakan; tetapi mesti mengambil kira soal nutrisi dan kos. Para ibu boleh membuat jadual mengenai protein dan sayur-sayuran yang boleh digunakan setiap hari. KKM juga mencadangkan untuk mengambil sayuran tidak berdaun seperti petola, lada benggala dan peria beberapa kali dalam seminggu. Ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos, malahan anak-anak kecil akan berasa keterlibatan apabila cadangan mereka diambil kira untuk penyediaan menu-menu yang lazat dan berkhasiat

3. Memastikan tabiat makanan yang sihat sejak daripada kecil

Anak-anak yang terbiasa dengan corak pemakanan yang sihat bakal menjadi ahli masyarakat dewasa yang mempunyai peluang untuk terus mengamalkan legasi pemakanan sihat. Kanak-kanak sekarang adalah pemimpin masa hadapan merupakan ungkapan yang paling tepat untuk memastikan nutrisi yang dibekalkan kepada mereka sentiasa mengcukupi untuk tumbesaran yang optimum.

4. Minum air yang mengcukupi

Keperluan air untuk orang dewasa adalah berbeza dengan keperluan air kanak-kanak. Secara puratanya, orang dewasa memerlukan sejumlah enam hingga lapan gelas air masak sehari. Jumlah ini bergantung kepada jantina, aktiviti, berat badan, keadaan kesihatan serta faktor umur individu tersebut. KKM juga menggalakkan untuk minum air dua gelas lebih daripada biasa jika terlibat dalam aktiviti fizikal. Untuk mengelakkan pengambilan air yang terlalu banyak pada satu-satu masa, kita digalakkan untuk minum satu hingga dua gelas air semasa bersarapan serta antara sela masa hidangan.

Air diperlukan untuk melindungi tisu-tisu badan, membuang toksik keluar dari badan, membantu penghadaman serta mengelakkan badan daripada dehidrasi. Selain air masak, sup, jus buah-buahan serta jus daripada sayuran juga boleh diambil. Kita juga digalakkan untuk mengambil susu tanpa perisa berbanding susu yang berperisa untuk mendapat nutrisi yang ideal.

5. Baca label makanan

Baca label makanan untuk memastikan kita tahu apa yang dibeli dan bakal dinikmati oleh kita dan ahli keluarga. Elakkan makanan yang terlalu diproses atau mengandungi kandungan gula, garam, lemak tepu, lemak trans dan perasa melebihi jumlah yang dibenarkan. Apabila membaca label makanan, carilah makanan yang bergandum penuh. Apabila masyarakat terbiasa dengan membaca label makanan, masalah seperti obesiti dan malnutrisi boleh dielakkan akibat daripada terlalu banyak mengambil makanan yang tidak berkhasiat.

6. Tidak melupakan sarapan pagi dan makan tengahari

Sarapan pagi adalah makanan yang paling penting bagi memulakan hari. Artikel ulasan yang dihasilkan pada tahun 2017 menyimpulkan bahawa sarapan pagi adalah hidangan terpenting dalam sehari. Ia dikaji dapat memberi kesan kepada tahap kesihatan dan kesejahteraan kita selain impak yang signifikan dalam prestasi yang melibatkan nilai-nilai kognitif. Kita digalakkan untuk makan sarapan pagi yang mempunyai fiber yang tinggi seperti oat mil. Manakala untuk makan tengah hari pula, kajian yang dihasilkan pada 2015 telah membuktikan bahawa makanan tengah hari mampu memberi kesan positif terhadap naik taraf memori bekerja kanak-kanak. Sementara menunggu masa untuk makanan tengah hari, kita digalakkan untuk mengambil snek yang sihat seperti buah-buahan, biskut yang mempunyai fiber tinggi atau boleh jug ajika kita mahu mengambil campuran kekacang.

7. Idealkan pengambilan lemak

KKM menyarankan untuk mengurangkan pengambilan lemak dalam makanan untuk memastikan jumlah keseluruhan pengambilan lemak adalah sebanyak 25-30% sahaja. Langkah ini dilihat mudah jika kita mengurangkan akses pada makanan segera dan melebihkan pengambilan makanan yang lebih berkhasiat.

Akan tetapi, terdapat lemak yang disarankan untuk diambil seperti lemak omega-3 yang terdapat dalam ikan, minyak ikan, telur ikan, tiram dan kekacang serta lemak omega-6 yang boleh didapati daripada buah acai, kekacang, minyak tumbuhan serta bijian.

Secara kesimpulannya, terdapat banyak lagi panduan-panduan pemakanan dan corak pemakanan yang boleh diamalkan. Terpulang kepada kita untuk pemilihan dan menyesuaikan dengan kondisi kita. Makanan haruslah dinikmati dengan baik tetapi secara besederhana agar objektif asal kenapa kita memerlukannya dapat dipenuhi. Ingat, “**kita makan untuk hidup, bukan hidup untuk makan**”.

Lawatan Akademik Pelajar CTU555 Ke Parlimen

Oleh : Suhaila Binti Sharil

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)



Akademi Pengajian Islam Kontemporari telah mengadakan program pada semester Mac – Julai 2019. Antara program tersebut adalah program Lawatan ke Parlimen. Kesemua program ini telah mendapat sambutan dalam kalangan pelajar. Justeru, program yang diterajui oleh Ustaz Ahmad Faiz bin Haji Ahmad Ubaidah sebagai penasihat merangkap koordinator UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau dan telah membawa hasil dan input yang sangat mendalam terhadap isu-isu semasa yang seharusnya diketahui oleh mahasiswa.

Program pertama yang dikedalikan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari adalah program Lawatan Akademik Ke Parlimen Malaysia Kuala Lumpur CTU 555- Hubungan Etnik pada 10 April 2019 bermula jam 7.30 Pagi hingga 5 Petang. Hubungan Etnik (CTU555) merupakan salah satu subjek mata pelajaran Umum (MPU) yang bertujuan untuk

memupuk kembali semangat patriotisme dalam kalangan pelajar. Subjek ini juga bertujuan untuk memperkenalkan kembali sistem-sistem dan dasar-dasar yang telah diamalkan di Malaysia sehingga mampu untuk mengecapi kemajuan dan kemakmuran. Dengan kesesuaian itu, salah satu tajuk utama yang dibincangkan dalam subjek ini adalah konsep pelembagaan dan corak politik yang diamalkan di Malaysia yang mana ianya bersifat teori. Justeru, sebagai menyahut seruan UiTM dengan pendekatan pembelajaran menggunakan konsep Week Without Walls (WWW) maka ACIS UiTM Rembau telah mengadakan lawatan akademik ke Parlimen Malaysia untuk memberi pendedahan yang jelas kepada para pelajar tentang konsep Parlimen Malaysia dan menjelaskan perbezaan sistem demokrasi berparlimen dan konsep-konsep yang lain menerusi pendekatan realistik.



Seramai 62 orang pelajar yang telah mengikuti lawatan akademik tersebut dengan menaiki 2 buah bas. Program ini mendapat pembiayaan dari Tabung TAPA. Semasa di dalam Dewan Parlimen, pelajar-pelajar dikehendaki memakai pakaian yang sopan dan kemas serta tidak dibenarkan mengambil gambar. Mereka menyaksikan Dewan Parlimen bersidang dengan usul-usul yang dibahaskan. Usul-usul yang dikemukakan adalah seperti usul Sungai Kim-Kim dan lain-lain yang mendapat perhatian penuh ahli Dewan. Hasil impak daripada lawatan akademik ke Parlimen ini, pelajar telah dibawa ke IOI City Mall untuk membuat kajian lapangan terhadap kepekaan masyarakat kepada isu-isu yang dibahaskan di Parlimen. Justeru, pelajar-pelajar CTU 555 telah diagihkan kepada beberapa kumpulan untuk mencari sekurang-kurangnya 5 orang responden bagi setiap kumpulan. Antara soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkenaan speaker dewan,

nama-nama ahli parlimen yang baru dan isu yang dibahaskan di dalam parlimen ketika itu.

Namun terdapat juga masyarakat yang tidak maklum berkenaan dengan isu-isu yang dibahaskan di Parlimen. Perkara ini adalah disebabkan, politik bagi mereka bukanlah sebahagian daripada terminologi yang perlu difahami. Oleh itu, mereka beranggapan bahawa perkara tersebut tidak perlu diambil tahu disebabkan ia adalah hal Negara. Lawatan Parlimen ini juga telah diikuti dengan pengiring iaitu Ustazah Noraini Biti Abd Muaziz, Ustazah Nur Ilham Binti Wan Abdullah dan Ustazah Nurul Amrina binti Mohd Yazid. Semoga dengan adanya lawatan seperti ini dapat menambahkan pengetahuan secara tidak langsung kepada pelajar dan memupuk minat pelajar untuk mengetahui serta menghayati Kursus Hubungan Etnik dan Perlembagaan yang menjadi tiang seri Hubungan Etnik.

